

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

PERINGATAN: Pemegang Kad Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di bawah, yang boleh didapati di www.ambank.com.my. Jika Pemegang Kad Layak tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat di bawah, Pemegang Kad Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan kakitangan atau wakil sah Bank.

“Bank” bermaksud kedua-dua **AmBank (M) Berhad** 196901000166 (8515-D) (“AmBank”) dan **AmBank Islamic Berhad** 199401009897 (295576-U) (“AmBank Islamic”). Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah dibaca bersama terma dan syarat perjanjian Kad Kredit/Kad Kredit-i Bank yang berkenaan (“Perjanjian Pemegang Kad”). Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakseragaman antara Terma dan Syarat Kempen ini (“Terma dan Syarat”) dan Perjanjian Pemegang Kad, Terma dan Syarat Kempen ini akan diguna pakai sejauh mana berkenaan dengan Kempen ini.

“Kumpulan AmBank” merujuk kepada semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu Bank sama ada yang ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, yang wujud sekarang atau pada masa depan dan sebarang rujukan kepada “Kumpulan AmBank” di dalam Terma dan Syarat ini hendaklah termasuk semua atau mana-mana entiti di dalam Kumpulan AmBank.

“Syarikat Bersekutu” mempunyai maksud sama seperti yang ditetapkan untuknya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana berkenaan.

“Notis Terdahulu” merujuk kepada notis yang dikeluarkan oleh Bank kepada pelanggan dalam masa lima (5) hari kalendar dan diterbitkan di laman web Bank melalui www.ambank.com.my.

“Syarikat Berkaitan” mempunyai maksud yang sama yang ditetapkan untuknya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

Kempen

1. **Kempen** ini bermaksud “**Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah**” yang dianjurkan oleh Bank menurut Terma dan Syarat Kempen seperti yang dinyatakan di dalam ini.

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan diadakan dari **1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022** (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”) atau tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh Bank dengan memberikan Notis Terdahulu.

Kelayakan

3. Semua Pemegang Kad Layak boleh menyertai Kempen ini. “**Pemegang Kad Layak**” ditakrifkan sebagai mana-mana individu termasuk kakitangan sama ada tetap atau kontrak di dalam Kumpulan AmBank, yang semasa Tempoh Kempen memohon mana-mana satu daripada Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank Islamic turut serta berikut sebagai pemegang kad utama/tambahan (kecuali bagi kumpulan orang yang dinyatakan dalam Klausula 4):

- (a) **Kad Kredit AmBank:** Kad AmBank SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite, Kad AmBank Metal, Kad AmBank Visa Infinite, Kad AmBank Visa Signature, Kad AmBank UnionPay Platinum, Kad AmBank Visa Platinum, Kad AmBank BonusLink Visa Signature, Kad AmBank BonusLink Visa Platinum dan Kad AmBank Cash Rebate Visa Platinum dan mana-mana kad yang dikeluarkan di bawah program insurans dengan syarikat-syarikat insurans terpilih.

**Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022**

(Secara bersama dikenali sebagai “Kad Kredit Turut Serta”)

- (b) **Kad Kredit-i AmBank Islamic:** Kad Kredit-i AmBank SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite, Kad Kredit-i AmBank Islamic Visa Infinite, Kad Kredit-i AmBank Islamic Visa Signature, Kad Kredit-i AmBank Islamic Al-Taslif Visa Platinum, Kad Kredit-i AmBank Islamic Visa Platinum CARz.

(Secara bersama dikenali sebagai “Kad Kredit-i Turut Serta”)

4. Orang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:

- (a) Pemegang Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank Islamic yang memohon untuk satu lagi Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank Islamic (kecuali Kad Platinum AmBank UnionPay & Kad AmBank BonusLink Visa).
- (b) Pemegang kad yang telah membatalkan Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank Islamic mereka dua belas (12) bulan sebelum Tempoh Kempen dan telah memohon semula untuk Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank Islamic dalam Tempoh Kempen.
- (c) Pemegang mana-mana Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank Islamic yang baru diluluskan yang telah digantung, dibatalkan atau ditamatkan dalam Tempoh Kempen;
- (d) Pemegang kad yang mempunyai bayaran tertunggak atau disyaki melakukan penipuan, perbuatan menyalahi undang-undang dan haram berkaitan dengan akaun Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank Islamic pemegang kad, dan/atau mana-mana kemudahan atau perkhidmatan lain dengan Bank; dan
- (e) Pemegang Kad yang telah menyertai atau akan menyertai mana-mana promosi pendaftaran/pemerolehan Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank Islamic serentak yang lain menerusi sebarang saluran lain sama ada yang dianjurkan oleh Bank atau mana-mana ejen atau wakil sah Bank; dan/atau
- (f) Pemegang Kad AmBank Business Platinum, Kad AmBank M-Card, Kad AmBank Cosway.

5. Pemegang Kad Layak boleh memohon untuk mana-mana Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta atau kedua-duanya untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, menerusi kaedah berikut:

- (a) permohonan secara bersemuka/fizikal di mana-mana cawangan Bank; atau
- (b) menerusi jualan langsung Bank
- (c) menerusi panggilan jemputan oleh pasukan tele-jualan Bank; atau
- (d) menerusi AmOnline dengan melengkapkan borang permohonan elektronik dan memuat naik dokumen sokongan yang diperlukan.

Kriteria Kelayakan

6. Peserta Kempen ini mesti memenuhi kriteria berikut dalam Tempoh Kempen: -

- (a) Memohon untuk Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta utama dan/atau tambahan; dan
- (b) Mengaktifkan Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta yang baru diluluskan; dan

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

- (c) Menggunakan Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta untuk membuat sebarang perbelanjaan runcit dalam masa enam puluh (60) hari kalendar dari tarikh kelulusan.
 (Secara bersama dikenali sebagai “**Kriteria Kelayakan**”)

7. Bank berhak untuk meluluskan atau menolak mana-mana permohonan dan/atau meminta sebarang dokumen sokongan selanjutnya. Untuk mengelakkan keraguan, Bank mempunyai budi bicara untuk menentukan sama ada dokumen sokongan cukup untuk tujuan memproses permohonan yang dikemukakan kepada Bank.

Tawaran Kempen

8. Tertakluk pada Terma dan Syarat di dalam ini, Pemegang Kad Layak, yang permohonannya telah dikemukakan dalam Tempoh Kempen dan berjaya diluluskan oleh Bank pada atau sebelum **31 Disember 2022** dan mengaktifkan Kad Kredit/Kad Kredit-i dalam masa enam puluh (60) hari kalendar dari tarikh kelulusan, berhak untuk menerima pulangan tunai yang dinyatakan dalam jadual di bawah selepas memenuhi semua Kriteria Kelayakan yang dinyatakan dalam Klausula 6 (“**Pulangan Tunai/Hadiah**”):-

Jenis Kad	Jenis Pemegang Kad	Kaedah Penyertaan Kempen	Kriteria Ganjaran
Mana-mana Kad Kredit/Kad Kredit-i utama yang turut serta kecuali Kad Kredit-i AmBank/AmBank Islamic SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite	Pemegang kad baharu Bank	Peringkat 1: Mohon dan Aktifkan dalam 60 hari kalendar untuk mendapatkan Pulangan Tunai RM25 ; ATAU Pulangan Tunai RM50 untuk kedua-dua Kad Kredit Konvensional AmBank DAN Kad Kredit-i AmBank Islamic Peringkat 2: Leretkan sebanyak 8 kali dalam 60 hari kalendar dari tarikh kelulusan kad untuk layak menerima pulangan tunai RM128 ; Jumlah Ganjaran Pulangan tunai RM25 + RM128 untuk satu Kad Kredit AmBank atau Kad Kredit-i AmBank Islamic ATAU pulangan tunai RM50 + RM128 bagi kedua-dua Kad Kredit AmBank dan Kad Kredit-i AmBank Islamic	i) Pulangan tunai diberikan mengikut peringkat pelanggan, dan berasaskan leretan terkumpul semua kad kredit layak yang dipegang oleh Pemegang Kad Layak; ii) Pulangan tunai terhadap kepada RM153 atau RM178 setiap Pemegang Kad Layak; iii) Perbelanjaan minimum bagi setiap leretan ialah RM10 dan mestilah transaksi daripada peniaga berbeza untuk transaksi yang dibuat pada hari yang sama; iv) Transaksi yang dibuat di peniaga yang sama pada hari yang sama akan dikira sebagai satu (1) leretan yang layak

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

<p>Kad Kredit/-i AmBank/AmBank Islamic SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite termasuk Kad AmBank Metal</p>	<p>Pemegang Kad baharu Bank</p>	<p>Peringkat 1: Mohon dan Aktifkan dalam 60 hari kalendar untuk mendapatkan Pulangan Tunai RM25; ATAU Pulangan Tunai RM50 untuk kedua-dua Kad Kredit Konvensional AmBank DAN Kad Kredit-i AmBank Islamic</p> <p>Peringkat 2: Leretkan sebanyak 8 kali dalam masa 60 hari kalendar dari tarikh kelulusan kad untuk layak menerima pulangan tunai RM188;</p> <p style="text-align: center;">Jumlah Ganjaran</p> <p>Pulangan tunai RM25 + RM188 untuk satu Kad Kredit AmBank atau Kad Kredit-i AmBank Islamic ATAU Pulangan tunai RM50 + RM188 bagi kedua-dua Kad Kredit AmBank dan Kad Kredit-i AmBank Islamic</p>	<p>i) Pulangan tunai diberikan mengikut peringkat pelanggan dan berasaskan leretan terkumpul semua kad kredit yang dipegang oleh semua Pemegang Kad Layak;</p> <p>ii) Pulangan tunai terhad kepada RM213 atau RM238 setiap Pemegang Kad Layak;</p> <p>iii) Perbelanjaan minimum bagi setiap leretan ialah RM10 dan mestilah transaksi daripada peniaga berbeza untuk transaksi yang dibuat pada hari yang sama;</p> <p>iv) Transaksi yang dibuat di peniaga yang sama pada hari yang sama akan dikira sebagai satu (1) leretan layak</p>
<p>Mana-mana Kad Kredit/Kad Kredit-i utama yang turut serta (Permohonan hanya menerusi AmOnline)</p>	<p>Pemegang Kad baharu Bank</p>	<p>Mohon, aktifkan dan belanja sekurang-kurangnya RM2,000 untuk menerima sebuah Pembuat Espresso Mudah Alih Staresso (Hadiah) bernilai RM349;</p>	<p>i) Pemegang Kad Layak yang berhak menerima Pembuat Espresso Mudah Alih Staresso (Hadiah) tidak layak menerima tawaran Pulangan Tunai;</p> <p>ii) Pembuat Espresso Mudah Alih Staresso (Hadiah) akan dihantar ke alamat Pemegang Kad Layak yang didaftarkan semasa permohonan menurut Klausula 12;</p>
<p>Mana-mana Kad Kredit/Kad Kredit-i tambahan yang Turut Serta</p>	<p>Pemegang kad baharu dan sedia ada Bank</p>	<p>Peringkat 1: Mohon dan Aktifkan dalam masa 60 hari kalendar untuk menerima Pulangan Tunai RM25;</p>	<p>i) Terhad kepada maksimum tiga (3) kad tambahan untuk setiap pemegang kad utama;</p>

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

		Peringkat 2: Leretkan sejumlah 8 kali dalam 60 hari kalendar dari tarikh kelulusan kad untuk layak menerima pulangan tunai RM58 ;	<p>ii) Perbelanjaan minimum untuk setiap leretan ialah RM10 dan mestilah transaksi daripada peniaga berbeza untuk transaksi yang dibuat pada hari yang sama;</p> <p>iii) Pulangan Tunai maksimum terhadap kepada RM83 setiap Pemegang Kad Tambahan Layak;</p> <p>iv) Transaksi yang dibuat di peniaga yang sama pada hari yang sama akan dikira sebagai satu (1) leretan layak</p>
Kad Kredit Utama AmBank BonusLink Visa	Pemegang kad sedia ada Bank	Aktifkan & belanja sebarang jumlah dalam masa 60 hari kalendar dari tarikh kelulusan untuk menerima 5,000 Mata BonusLink ;	TIADA
Mana-mana Kad Kredit/Kad Kredit-i utama yang turut serta	Pemegang Kad baharu Bank	<p>Memohon Pindahan Baki 0% selama 12 bulan (terhad kepada RM15,000)</p> <p>ATAU</p> <p>Memohon QuickCash 0% untuk 12 bulan (terhad kepada maksimum 70% had kredit atau RM15,000, yang mana lebih rendah)</p> <p><i>*Pendaftaran Pindahan Baki atau QuickCash perlu dilakukan dalam masa 60 hari kalendar dari tarikh kelulusan kad.</i></p>	i) Pelanggan tidak layak untuk tawaran pulangan tunai jika pelanggan memohon untuk Pindahan Baki atau QuickCash;

Perhatian: Setiap Pemegang Kad Layak hanya berhak untuk **menikmati keistimewaan promosi bagi satu (1) Kempen** dengan Kumpulan AmBank Group pada satu-satu masa.

9. Semua Perbelanjaan Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) mesti dibuat dalam Tempoh Kempen. Tempoh ihsan lima (5) hari kalendar dari akhir Tempoh Kempen akan ditambah kepada tarikh transaksi untuk tujuan pengiraan. Bank tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara sekali pun untuk sebarang catatan lewat Perbelanjaan Layak dalam akaun Pemegang Kad Layak yang disebabkan sama ada oleh peniaga dan/atau pihak ketiga.

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

10. Untuk mengelak keraguan, Perbelanjaan Layak termasuk semua transaksi kecuali yang berikut: -
- (a) Pelan Pembayaran Mudah (EPP), Pindahan Baki (BT), QuickCash (QC) dan Pendahuluan Tunai; dan/atau
 - (b) transaksi kuasi-tunai – (cth: transaksi perjudian dan/atau pertaruhan); dan/atau
 - (c) sebarang bentuk bayaran balik; dan/atau
 - (d) sebarang transaksi runcit dipertikaikan, tidak sah atau berunsur penipuan; dan/atau
 - (e) pembayaran faedah*/yuran pengurusan, caj pembayaran lewat, caj bagi pengeluaran tunai, cukai perkhidmatan kad dan sebarang bentuk yuran perkhidmatan/pelbagai dan/atau
 - (f) transaksi e-dompot daripada penyedia perkhidmatan e-dompot berikut:

Penyedia Perkhidmatan E-Dompot	Kod Kategori Peniaga (MCC)
Grab Pay	4121, 4789, 5734, 6540 & 7399
Touch 'n Go	4784
Boost /Big Pay/Shopee Pay	6540

(Seterusnya di dalam ini dirujuk sebagai “Perbelanjaan Layak”)

Kelayakan Pulangan Tunai/Hadiah

11. Selepas memenuhi syarat-syarat dalam Klausa 6 dan 8 masing-masing, Pemegang Kad Layak akan berhak menerima Pulangan Tunai/Hadiah seperti yang dinyatakan dalam Klausa 8. Untuk mengelakkan keraguan, sila rujuk kepada keterangan di bawah:-

Keterangan 1

- (a) Jika Pemegang Kad Layak memohon Kad Kredit Turut Serta dan Kad Kredit-i Turut Serta dan Pemegang Kad Layak melakukan sembilan (9) leretan Kad Kredit Turut Serta dan lapan (8) leretan Kad Kredit-i Turut Serta, Pemegang Kad Layak berhak untuk menerima jumlah Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Satu Ratus Tujuh Puluh Lapan (RM178) sahaja, kerana ganjaran Pulangan Tunai RM128 diberikan berasaskan leretan terkumpul bagi kedua-dua kad kredit dan ganjaran pulangan tunai RM50 diberikan bagi kedua-dua Kad Kredit Turut Serta dan Kad Kredit-i Turut Serta.

(b)

Keterangan 2

- (b) Pemegang Kad Layak bagi Kad Kredit AmBank utama yang sedia ada boleh memohon satu lagi Kad AmBank BonusLink Visa untuk layak menerima ganjaran Lima Ribu (5,000) Mata BonusLink seperti yang dinyatakan dalam Klausa 8 di atas dengan syarat Pemegang Kad Layak mengaktifkan dan membelanjakan sebarang jumlah dengan Kad AmBank BonusLink Visa dalam masa enam puluh (60) hari kalendar dari tarikh kelulusan.

Keterangan 3

- (d) Jika Pemegang Kad Layak memohon Pindahan Baki atau QuickCash di bawah Kempen ini, Pemegang Kad Layak tidak layak untuk menerima pulangan Tunai Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Lapan (RM128)

* Terminologi konvensional terpakai untuk produk AmBank, manakala terminologi Islamic terpakai untuk produk AmBank Islamic.

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

walaupun Pemegang Kad Layak memenuhi kriteria Kempen melakukan lapan (8) leretan Kad Kredit Turut Serta dan Kad Kredit-i Turut Serta.

Keterangan 4

- (e) Jika Pemegang Kad Layak memohon Kad Kredit Turut Serta menerusi AmOnline dan Pemegang Kad Layak melakukan lapan (8) leretan Kad Kredit Turut Serta, Pemegang Kad Layak tidak layak untuk menerima pulangan tunai tersebut.

Pemberian Pulangan Tunai/ Hadiah

12. Pulangan Tunai/Hadiah akan diberikan kepada Kad Kredit/Kad Kredit-i utama dan tambahan Pemegang Kad Layak yang berkenaan dalam masa lapan (8) hingga sepuluh (10) minggu selepas memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang digariskan dalam jadual di bawah:-

Tarikh Kelulusan Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta	Aktifkan & belanja dalam masa enam puluh (60) hari kalendar dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta	Tempoh Ganjaran Pulangan Tunai/Hadiah
1 Oktober 2022 – 31 Oktober 2022	1 Oktober 2022– 31 Disember 2022	Januari 2023 hingga Februari 2023
1 November 2022 – 30 November 2022	1 November 2022– 31 Januari 2023	Februari 2023 hingga Mac 2023
1 Disember 2022 – 31 Disember 2022	1 Disember 2022– 28 Februari 2023	Mac 2023 hingga April 2023

13. Bank akan memaklumkan kepada Pemegang Kad Layak menerusi SMS/telefon/mel elektronik/pos berasaskan maklumat hubungan yang terdapat dalam sistem Bank. Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya, Bank berhak untuk menggunakan sebarang saluran atau kaedah lain, termasuk laman web Bank melalui www.ambank.com.my untuk tujuan mengumumkan Pemegang Kad Layak yang telah layak menerima Pulangan Tunai/Hadiah.
14. Pulangan Tunai/Hadiah hanya boleh diberikan kepada Kad Kredit/Kad Kredit-i utama dan tambahan Pemegang Kad Layak yang diluluskan dalam tempoh permohonan dan Pulangan Tunai tidak boleh ditukarkan untuk hadiah lain, kredit atau sebarang bentuk produk lain dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga.
15. Pada masa penerimaan Pulangan Tunai/Hadiah menurut Klausula 12, semua akaun Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta milik Pemegang Kad Layak mesti diaktifkan dan berada dalam kedudukan berbayar apabila memenuhi Kriteria Kelayakan yang dinyatakan dalam Klausula 6.
16. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Pemegang Kad Layak atau mana-mana pihak lain untuk mengkreditkan Pulangan Tunai/Hadiah kepada mana-mana pihak ketiga.
17. Pemegang Kad Layak bertanggungjawab untuk memastikan nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat yang diberikan adalah terbaharu dan dikemas kini dengan Bank. Sekiranya Pulangan Tunai/Hadiah tidak diterima, Pemegang Kad Layak dikehendaki menghubungi Bank sebelum **30 Jun 2023**

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

untuk bertanya tentang status Pulangan Tunai/Hadiah. Sebarang permintaan, pertanyaan atau tuntutan tidak akan dilayan selepas **30 Jun 2023**.

18. Bank berhak untuk menggantikan Pulangan Tunai/Hadiah dengan satu lagi hadiah sepertinya atau dengan nilai serupa atas budi bicaranya dengan memberikan Notis Terdahulu di laman web Bank melalui www.ambank.com.my

Tawaran Alu-aluan – Kaedah Penyertaan Pindahan Baki 0% selama 12 bulan

19. Jumlah minimum bagi Pindahan Baki ialah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) dan jumlah maksimum tidak harus melebihi Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000.00) bagi setiap Pemegang Kad Layak yang memohon Pindahan Baki daripada kad kredit/kad kredit-i atau kad caj daripada bank lain (“**Jumlah Pindahan Baki**”). Kelulusan tertakluk pada had kredit sedia ada Pemegang Kad Layak.
20. Tempoh ansuran bagi Pindahan Baki ialah dua belas (12) bulan atau tempoh lain seperti yang dinyatakan oleh Bank dari masa ke masa dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Setiap jumlah ansuran akan dikira secara sekadar dan dibil dengan sewajarnya kepada Akaun Kad Pemegang Kad Layak pada tarikh pengebilan setiap bulan dan sepanjang tempoh ansuran dan/atau sehingga penjelasan penuh wang ansuran. Pemegang Kad Layak memperakui bahawa jumlah ansuran bulan pertama mungkin lebih tinggi sedikit daripada bulan seterusnya akibat pembundaran.
21. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak memperakui bahawa sebarang penjelasan awal akaun akan dikenakan denda Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja (“**Yuran Denda**”) ke atas Pemegang Kad Layak yang kena dibayar dan perlu dibayar dengan serta-merta apabila terdapat penjelasan awal. Pemegang Kad Layak memperakui dan mempersetujui bahawa Bank berhak mengenakan caj Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja ke atas akaun Pemegang Kad Layak kecuali Kad AmBank BonusLink Visa, Kad AmBank M-Card dan Kad AmBank True Visa Card. Semua ansuran belum jelas serta faedah/yuran pengurusan masing-masing untuk seluruh tempoh akan kena dibayar dan perlu dibayar dengan serta-merta sekiranya terdapat penjelasan awal. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta akan dianggap sebagai penjelasan awal dan dengan cara yang sama Bank berhak untuk mengenakan yuran berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja ke atas akaun Pemegang Kad Layak dan Bank berhak untuk menuntut baki ansuran bagi seluruh tempoh.
22. Pemegang Kad Layak akan dianggap gagal membayar ansuran bulanan bagi jumlah Pindahan Baki jika Pemegang Kad Layak tidak membuat ‘Bayaran Bulanan Minimum’ penuh pada atau sebelum tarikh kena bayar seperti yang dinyatakan dalam penyata akaun Pemegang Kad Layak. Sekiranya Pemegang Kad Layak gagal membayar tiga (3) ansuran berturut-turut, semua wang yang perlu dibayar dan dihutang di bawah Pindahan Baki, yang terdiri daripada ansuran bulanan Pindahan Baki belum jelas keseluruhan dan jumlah wang pokok belum dibil keseluruhan, bersama dengan caj kewangan / yuran pengurusan yang dikenakan, dan baki semua wang lain yang dihutang dan perlu dibayar di bawah Pindahan Baki kena bayar dan perlu dibayar dengan serta-merta oleh Pemegang Kad Layak.
23. Dengan syarat Notis Terdahulu telah diberikan kepada Pemegang Kad Layak, Bank berhak untuk menamatkan kemudahan Pindahan Baki yang diberikan kepada Pemegang Kad Layak, dan maka semua ansuran bulanan belum jelas serta kadar faedah/yuran pengurusan yang berkenaan akan kena bayar dan perlu dibayar dengan serta-merta atas permintaan bertulis Bank. Semua jumlah Pindahan Baki belum jelas akan ditunjukkan dalam penyata bulanan dan Pemegang Kad Layak akan membuat bayaran menurut peruntukan Terma dan Syarat

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

dan Perjanjian Pemegang Kad Layak. Sekiranya berlaku kegagalan pembayaran, Bank berhak untuk melaksanakan haknya di dalam ini dan di bawah Perjanjian Pemegang Kad Layak.

24. Bank boleh menangguhkan, menggantung atau menolak sebarang permohonan di bawah Kempen ini
- (i) jika baki belum jelas atau jumlah yang dimohon melebihi had kredit Pemegang Kad Layak, atau
 - (ii) jika jumlah baki belum jelas atau jumlah yang dimohon tidak memenuhi jumlah pinjaman atau jumlah permohonan minimum, atau
 - (iii) jika akaun Pemegang Kad Layak mempunyai baki sedia ada yang tidak mencukupi, atau atas sebarang sebab lain yang dinyatakan oleh Bank atas budi bicaranya. Bagi permohonan Pemegang Kad yang berjaya, pembayaran kepada akaun Kad Kredit/Kad Kredit-i dengan pengeluar Kad Kredit/Kad Kredit-i/institusi kewangan lain akan dilakukan dengan cara yang dinyatakan di dalam ini.
25. Tandatangan Pemegang Kad Layak pada borang permohonan atau persetujuan yang diterima menerusi panggilan telefon di mana identiti Pemegang Kad Layak telah ditentukan akan dianggap sebagai bukti muktamad bagi arahan Pemegang Kad Layak kepada Bank untuk menjelaskan dan membayar terus baki Kad Kredit/Kad Kredit-i atau kad caj belum jelas yang terhutang kepada pengeluar kad/institusi kewangan lain, bagi pihak Pemegang Kad Layak.
26. Apabila menyertai Kempen ini, had kredit sedia ada Pemegang Kad Layak akan diperuntukkan dengan jumlah yang diluluskan dan tidak boleh digunakan oleh Pemegang Kad Layak sehingga dikembalikan secara beransur-ansur oleh Bank secara bulanan mengikut bayaran dibuat bagi setiap ansuran.
27. Bayaran yang dibuat oleh Pemegang Kad Layak kepada akaun Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta akan digunakan dengan cara yang berikut, pertama sekali untuk menjelaskan sebarang cukai perkhidmatan diikuti oleh Pendahuluan Tunai, QuickCash, Ansuran Bulanan dan sebarang baki pusingan yang dikenakan caj kewangan/yuran pengurusan tertinggi.
28. Syarat-syarat berikut akan dikenakan untuk Kempen ini:
- (a) Hanya baki belum jelas Kad Kredit/Kad Kredit-i atau kad caj yang dikeluarkan di Malaysia dibenarkan untuk menyertai Kempen ini.
 - (b) Pembayaran kepada pengeluar kad/institusi kewangan berkenaan akan dilaksanakan oleh Bank selepas kelulusan permohonan Pemegang Kad Layak. Jumlah perlu dibayar adalah seperti yang diluluskan oleh Bank dan seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan atau disahkan oleh Pemegang Kad Layak menerusi panggilan telefon.
 - (c) Pembayaran Jumlah Pindahan Baki akan dibuat kepada pengeluar kad/institusi kewangan yang berkenaan menerusi kredit secara terus ke dalam akaun pengeluar kad/institusi kewangan menerusi InterBank GIRO.
 - (d) Walau apa pun Terma dan Syarat di dalam ini, Pemegang Kad Layak akan terus dan masih menanggung liabiliti pengeluar kad/institusi kewangan bagi kemudahan yang dinikmati oleh Pemegang Kad Layak menurut terma yang berkuat kuasa ke atasnya.
 - (e) Sehingga permohonan Pindahan Baki diluluskan, dan dana berjaya dikirim oleh Bank kepada institusi kewangan yang berkenaan, Pemegang Kad Layak akan terus bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada akaun kad kredit/kad kredit-i lain menurut terma yang berkuat kuasa ke atasnya. Bank tidak menanggung liabiliti bagi faedah/yuran pengurusan, atau sebarang caj lain yang disebabkan oleh kegagalan atau kelewatan Pemegang Kad Layak menjelaskan bayaran. Pemegang Kad Layak akan terus

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

bertanggungjawab secara langsung kepada bank dan/atau institusi kewangan masing-masing untuk semua baki belum jelas lain (wang pokok, faedah terakru/yuran pengurusan, yuran kewangan/yuran pengurusan dan caj lain) bagi kad kredit/kad kredit-i lain mereka, sama ada baki belum jelas tersebut telah ditanggung sebelum atau selepas Bank meluluskan permohonan Pemegang Kad layak untuk melaksanakan Pindahan Baki.

- (f) Bank berhak untuk meluluskan jumlah penuh atau sebahagian daripada jumlah yang dimohon.

Tawaran Alu-aluan - Kaedah Penyertaan 0% QuickCash untuk 12 bulan (“Program”)

29. Jumlah minimum bagi QuickCash ialah Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja (RM1,000.00) dan jumlah maksimum tidak harus melebihi Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000.00) bagi setiap Pemegang Kad Layak (**“Jumlah QuickCash”**). Kelulusan tertakluk kepada had kredit dan gred risiko sedia ada Pemegang Kad Layak.
30. **Jumlah QuickCash akan dianggap sebagai pendahuluan tunai.** Maka, sekiranya
- (a) jumlah ansuran pokok bulanan; dan
 - (b) jumlah ansuran bulanan bagi faedah/yuran pengurusan;
- tidak dibayar sepenuhnya selewat-lewatnya pada tarikh kena bayar, Pemegang Kad Layak akan dikenakan caj kewangan/yuran pengurusan pada kadar 1.5% sebulan yang dikira secara harian berasaskan baki belum jelas di dalam penyata.

Menurut Perjanjian Pemegang Kad Layak, caj kewangan/yuran pengurusan semasa atau kadar yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke masa akan dikenakan ke atas jumlah pokok belum jelas yang masih belum dijelaskan pada tarikh kena bayar sejak dari tarikh catatan sehingga bayaran penuh dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad Layak.

31. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak memperakui bahawa sebarang penjelasan awal akaun akan menyebabkan Pemegang Kad dikenakan denda Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja (**“Yuran Denda”**) yang kena bayar dan perlu dibayar dengan serta-merta apabila terdapat penjelasan awal. Pemegang Kad Layak memperakui dan bersetuju bahawa Bank berhak mengenakan caj Ringgit Malaysia Satu Ratus (**RM100.00**) sahaja ke atas akaun Pemegang Kad Layak (tidak berkenaan bagi Kad AmBank BonusLink Visa, AmBank M-Card dan Kad AmBank True Visa). Semua bayaran ansuran belum jelas serta kadar faedah/yuran pengurusan yang berkenaan untuk seluruh tempoh kena bayar dan perlu dibayar dengan serta-merta apabila sebarang penjelasan awal dibuat. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta akan dianggap sebagai penjelasan awal di bawah Kempen ini dan Bank juga berhak untuk mengenakan caj berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus (**RM100.00**) sahaja ke atas akaun Pemegang Kad Layak dan berhak untuk menuntut dan menerima bayaran semua ansuran belum jelas serta faedah/yuran pengurusan yang berkenaan untuk seluruh tempoh, atas sebab yang dinyatakan di atas.
32. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pemegang Kad dianggap telah gagal membayar ansuran bulanan bagi QuickCash jika Pemegang Kad Layak tidak membuat Bayaran Minimum Ditetapkan atau Bayaran Bulanan Minimum (atau hanya menjelaskan sebahagian Bayaran Minimum Ditetapkan atau Bayaran Bulanan Minimum yang tidak cukup untuk menampung jumlah ansuran bulanan QuickCash), pada atau sebelum Tarikh Kena Bayar seperti yang dinyatakan dalam penyata akaun Pemegang Kad Layak. Sekiranya berlaku kegagalan pembayaran ansuran sebanyak tiga (3) kali atau lebih, maka kegagalan pembayaran telah berlaku, dan semua

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

wang yang kena bayar dan dihutang di bawah QuickCash, yang terdiri daripada jumlah ansuran bulanan QuickCash belum jelas dan jumlah wang pokok belum dibil bagi ansuran bulanan QuickCash, berserta caj kewangan/yuran pengurusan yang berkenaan, dan baki semua wang lain yang kena bayar dan dihutang di bawah QuickCash akan serta-merta menjadi kena bayar dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad Layak.

33. Sekiranya kegagalan pembayaran telah berlaku, semua ansuran bulanan belum jelas serta faedah/yuran pengurusan berkenaan akan serta-merta menjadi kena bayar dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad Layak. Semua jumlah Pelan Pembayaran Fleksibel QuickCash belum jelas tersebut akan ditunjukkan dalam penyata bulanan dan Pemegang Kad Layak akan membuat bayaran menurut peruntukan Perjanjian Pemegang Kad Layak. Jika tidak, Bank berhak melaksanakan haknya di bawah Perjanjian Pemegang Kad Layak.
34. Bank berhak meluluskan atau menolak sebarang permohonan dalam Kempen ini. Bank boleh meluluskan dan mengeluarkan sebarang jumlah sebahagian yang dimohon oleh Pemegang Kad Layak dengan syarat jumlah yang dimohon tidak melebihi had kredit sedia ada Pemegang Kad atau atas sebarang sebab lain yang diberikan oleh Bank. Bagi permohonan Pemegang Kad yang berjaya, pembayaran kepada akaun bank Pemegang Kad, bagi QuickCash akan dibuat seperti yang dinyatakan di dalam ini.
35. Tandatangan Pemegang Kad pada borang permohonan atau persetujuan yang diperolehi menerusi panggilan telefon akan dianggap bukti muktamad bagi arahan Pemegang Kad kepada Bank untuk menyerahkan jumlah yang dimohon.
36. Dalam kes QuickCash:
 - (a) Program ini bukan untuk pengeluaran tunai di ATM menggunakan Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta pemegang Kad.
 - (b) Jumlah diluluskan hanya akan dimasukkan ke dalam akaun perbankan peribadi Pemegang Kad Layak (CASA/CASA-i) yang dibuka di Malaysia dalam masa sepuluh (10) hari kalendar dari kelulusan permohonan QuickCash.

Terma dan Syarat Am

37. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak terikat kepada Terma dan Syarat Kempen, keputusan Bank dan sebarang penambahan, perubahan dan pindaan yang dibuat kepada Klausula 20 dari masa ke masa dengan memberikan Notis Terdahulu.
38. Bank tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti bagi sebarang kegagalan oleh mana-mana Pemegang Kad Layak untuk menyertai Kempen pada bila-bila masa yang disebabkan oleh kesilapan, gangguan atau kegagalan rangkaian, komunikasi dan/atau sistem.
39. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad Layak apabila mana-mana kejadian Force Majeure berlaku. “**Force Majeure**” merujuk kepada sebarang kejadian dan/atau keadaan tidak diduga yang berada di luar kawalan wajar Bank, yang tidak dapat dicegah, dielakkan atau diatasi oleh Bank termasuk bencana alam seperti banjir, taufan, hurikan, ribut, badai, letupan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, ambelasan atau tanah mendap atau tindakan kekacauan awam, seperti mogok, sekatan masuk kerja, gangguan perindustrian, rusuhan, peperangan, wabak dan pandemik yang setiap satu di luar kawalan Bank atau kejadian, keadaan atau peristiwa lain dengan ciri-ciri yang sama yang dianggap dari masa ke masa sebagai Force Majeure oleh Bank.

Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022

40. Keputusan Bank berhubung dengan segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad Layak. Tiada surat-menyurat atau rayuan selanjutnya akan dilayan.
41. Bank berhak untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, dari masa ke masa termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberikan Notis Terdahulu sebelum sebarang perubahan berkuat kuasa. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Bank tidak akan melayakkan Pemegang Kad Layak kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad Layak, disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan membatalkan, menamatkan atau menggantung kecuali jika kerugian atau ganti rugi yang ditanggung disebabkan oleh kegagalan sengaja, penipuan atau kecuaiannya nyata oleh Bank.
42. Kecuali dinyatakan selainnya, Terma dan Syarat yang ditetapkan di dalam ini, termasuk apa-apa pindaan kepadanya, akan berkuat kuasa mengatasi peruntukan dan/atau pernyataan lain yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan pengiklanan bagi Kempen ini.
43. Bank berhak untuk:
 - (a) membatalkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad Layak dalam Kempen, apabila Pemegang Kad Layak telah membuat Perbelanjaan Layak, dengan cara dan corak yang dianggap oleh Bank sebagai tidak normal, luar biasa dan/atau menunjukkan percubaan mendapatkan kelebihan tidak adil berbanding Pemegang Kad Layak lain dengan corak perbelanjaan normal/biasa, dan keputusan Bank dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad Layak; dan/atau
 - (b) menarik balik Pulangan Tunai apabila Perbelanjaan Layak dibalikkan atau berlaku pembatalan Kad Kredit/Kad Kredit-i Turut Serta dalam Tempoh Kempen atau ketidakpatuhan Terma dan Syarat di dalam ini.
44. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak memberikan persetujuan mereka kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka kepada mana-mana vendor pihak ketiga yang dilantik oleh Bank untuk tujuan melaksanakan dan/atau menunaikan mekanisme Kempen. Pemegang Kad Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank, yang boleh didapati di laman web Bank (<https://www.ambankgroup.com/eng/Pages/PrivacyNotice.aspx>) dan mana-mana cawangan AmBank/AmBank Islamic.
45. Versi Bahasa Malaysia Terma dan Syarat ini juga boleh didapati di laman web <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/CashbackPromoTnCBM.pdf> Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakseragaman dalam pentafsiran Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan dianggap sebagai setara dengan satu sama lain, dan setiap satu daripada terma dan syarat yang dinyatakan hendaklah membawa maksud yang sama.
46. Semua soalan berhubung dengan pembentukan, kesahihan, penguatkuasaan dan pentafsiran terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini akan ditadbir oleh, ditafsirkan dan dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia. Pihak-pihak yang terbabit dengan ini bersetuju untuk tertakluk di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia bagi tujuan sebarang saman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada dan berasaskan Terma dan Syarat di dalam ini.

**Kempen Pemerolehan Kad Kredit AmBank /Kad Kredit-i AmBank Islamic
Terma dan Syarat “Mohon, Aktifkan & Leretkan 8X Untuk Layak Menerima Pulangan Tunai/Hadiah”
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022**

47. Untuk apa-apa bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen ini, Pemegang Kad Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank setiap hari melalui +603-2178 8888 dari jam 7 pagi hingga 11 malam atau menghantar e-mel ke customercare@ambankgroup.com.
-